

24/10/1998

Kesejahteraan rakyat diutamakan

BELANJAWAN Negara 1999 yang dibentangkan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad selaku Menteri Kewangan Pertama, semalam menunjukkan usaha kerajaan untuk membebaskan negara daripada perangkap krisis kewangan, seterusnya meletakkan semula ekonomi negara di landasan yang kukuh, sudah pun berjalan lancar. Ia adalah usaha yang memerlukan perancangan begitu serius. Walau pun dalam Belanjawan defisit yang getir, kerajaan masih mampu menyediakan penawarnya. Jaminan yang ditunjukkan menerusi Belanjawan tahun depan itu bolehlah dirumuskan bahawa kesejahteraan rakyat tidak akan dikorbankan meskipun pertumbuhan ekonomi tidak dapat dilonjakkan sepentas yang diharapkan.

Ini jelas dicerminkan dalam belanjawan yang tidak langsung mengenakan sebarang cukai yang boleh menjejaskan pendapatan dan perbelanjaan rakyat terbanyak. Jika adapun cukai baru yang dikenakan, ia hanyalah tertumpu kepada masyarakat kelas tertentu yang boleh dikategorikan kepada perbelanjaan sosial yang tidak ada kaitan dengan kesejahteraan keluarga. Dengan menaikkan cukai rokok dan arak, ia sebenarnya usaha mewujudkan suasana masyarakat yang sihat.

Apa yang meyakinkan seluruh rakyat, industri dan pelbagai sektor ekonomi ialah walaupun peruntukan Belanjawan untuk tahun depan berkurangan 9.3 peratus dengan hasil dijangka merosot 14.3 peratus kepada RM47.160 bilion berbanding belanjawan tahun ini, ia tidak akan menjejaskan kerancangan pembangunan dan pelaburan menerusi pelbagai galakan baru yang disediakan kepada beberapa sektor utama.

Belanjawan 1999 yang pada mulanya diramalkan sebagai belanjawan tidak popular, terbukti tidak benar. Sebaliknya, menerusi strategi yang disusun begitu rapi, ia memberi keyakinan baru bukan saja ke arah pemulihan ekonomi, malah memantapkannya.

Belanjawan Negara 1999 juga dilihat sebagai langkah yang akan menggerakkan beberapa tindakan yang sudah diambil kerajaan menerusi perakuan Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN) seperti penubuhan Syarikat Danaharta, Danamodal dan kawalan ke atas kadar pertukaran mata wang, selain langkah mengurangkan import tetapi meningkatkan eksport negara .

Dengan beberapa peraturan baru kepada bank termasuk menurunkan kadar pinjaman asas bank (BLR), akan membolehkan pengaliran wang lebih lancar. Pembayaran balik hutang pula dijangka berjalan lancar dan mampu mengeluarkan satu demi satu sektor korporat daripada belengu masalah. Paling penting, belanjawan tahun depan akan membantu meningkatkan kegiatan perniagaan dan ekonomi.

Kita yakin menerusi lima komponen strategi belanjawan iaitu untuk mencergaskan aktiviti ekonomi serta melindungi ekonomi daripada kesan jangkitan krisis kewangan serantau bagi menstabilkan sistem pasaran kewangan dan nilai ringgit; memperkukuhkan ketahanan dan daya saing ekonomi negara; menyusun semula sektor kewangan dan mempertingkatkan tahap pengurusan sektor awam dan swasta (good governance); mengukuhkan lagi kedudukan imbalan pembayaran; dan menjamin kesejahteraan rakyat, akan menjelmakan sesuatu yang positif.

Bagaimanapun, kita yakin kerajaan memerlukan sedikit masa lagi untuk memulihkan keadaan, mengembalikan ekonomi defisit kepada ekonomi lebih seperti yang dinikmati sejak 1993. Belanjawan Negara 1999 ini tentulah berbeza keadaannya jika ia dibentangkan sebelum beberapa langkah drastik yang diambil kerajaan menerusi perakuan MTEN dilaksanakan. Sokongan rakyat

yang berterusan juga amat penting untuk membolehkan kerajaan membentangkan satu bentuk belanjawan yang sederhana dalam keadaan yang begitu sukar. Di negara mana sekalipun, jika belanjawan yang dirangka tidak membebankan rakyat dan mampu mengelak daripada pembaziran dengan menyediakan peruntukan yang tidak boleh menggerakkan ekonomi, ia adalah belanjawan yang terpuji.

Paling penting, dalam keadaan ekonomi defisit, tidak ada negara yang mampu menyediakan belanjawan yang memberi tumpuan kepada soal kebajikan rakyat. Keadaan ini tidak berlaku di Malaysia kerana beberapa galakan baru tetap disediakan termasuk kepada kakitangan perkhidmatan awam. Belanjawan yang pertama kali dibentangkan oleh Dr Mahathir ini jelas menunjukkan bahawa kesejahteraan rakyat diberi keutamaan.

Kita yakin menerusi program merangsang ekonomi yang akan dilaksanakan kerajaan termasuk mencergaskan semula projek prasarana, akan memberi keyakinan baru kepada ekonomi Malaysia dan seterusnya membolehkan negara terus bersaing di pasaran antarabangsa.

(END)